

PERUBATAN TRADISIONAL DAN PERUBATAN MODEN: REFLEKSOLOGI SPRITUAL ISLAM SEBAGAI KAEDAH PERUBATAN

Wan Nurul Jannah Binti Wan Aziz¹
Shania Puspa Novandari²
Hawa' Binti Mohd Kadri³
Sukhairu Bin Sulaiman⁴

¹Fakulti Pengajian Quran and Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: nurul.jannah@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran and Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: shaniapuspa@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran and Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: hawa.mohdkadri@raudah.usim.edu.my)

⁴Darul Quran JAKIM, Malaysia, (E-mail: sukhairu@islam.gov.my)

ABSTRAK

Kaedah perubatan refleksologi Islam adalah berasal dari Al-Quran dan As-Sunnah yang kemudiannya dikumpulkan dan dirumuskan menjadi salah satu kaedah perubatan tradisional Islam. Rawatan ini sangat istimewa dan dapat membantu menyembuhkan berbagai penyakit dengan segera, berkesan dan tidak membebankan kos yang tinggi. Permasalahan bagi kajian ini adalah dimana timbulnya pelbagai persoalan bagi masyarakat yang pertama kali mendengar kaedah rawatan ini. Hal ini kerana mereka menyangka pukulan atau sebatan itu pada kebiasaannya kuat dan menyakitkan yang tidak akan bertanggung sedangkan ianya tidak menyakitkan pesakit secara luaran. Kajian ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat awam dalam mencari alternatif rawatan yang berkesan. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian secara kualitatif. Data-data kajian dikumpul secara analisis dokumen kepustakaan dengan merujuk kepada beberapa buku dan artikel yang berkaitan serta menggunakan kaedah pemerhatian terhadap pesakit yang telah menerima rawatan dalam tempoh tertentu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan antara refleksologi Islam dan biasa kerana dapat merawat pelbagai penyakit luaran dan dalaman. Secara konklusinya, rawatan ini bukan sahaja dapat membantu penyembuhan dalam penyakit fizikal atau luaran malah menitikberatkan rawatan kerohanian sebagai amalan harian.

Kata Kunci: Refleksologi, Refleksologi Spritual Islam, Rawatan Islam.

Pendahuluan

Bidang perubatan bukanlah bidang sains yang baru ditemui tetapi bidang ini telah lama bertapak dalam kehidupan manusia. Bidang perubatan mempunyai sejarah unik yang merangkumi semua aspek termasuk ilmu sains dan kegunaannya untuk kesejahteraan hidup manusia. Perubatan ditakrifkan sebagai penerangan perubatan yang merujuk kepada amalan perubatan atau mengejar penawar. (Dewan,2017) Pada masa ini, terdapat dua cabang perubatan: perubatan tradisional dan perubatan moden. Perubatan tradisional mempunyai

matlamat yang sama seperti perubatan moden, iaitu menghilangkan kesakitan dan penderitaan pesakit menggunakan konsep dan kaedah yang unik. (Azam,N.D). Hingga kini ada sebahagian umat Islam tidak tahu adanya rawatan Islam yang menggunakan kaedah merotan atau mengetuk pesakit. Ada sesetengah orang yang menafikan kaedah tersebut sekeras-kerasnya. Berbagai kritikan yang mengatakan bahawa merotan, memukul dan mengetuk pesakit adalah amalan menyeksa dan menzalimi pesakit yang berlawanan dengan Islam kerana pesakit yang memang sudah sakit ditambahkan lagi kesakitannya. Sepatutnya perawat membantu pesakit untuk mengurangkan penderitaan menanggung kesakitan kerana penyakitnya, bukan menambahkan penderitaannya. Jadi, di dalam kajian ini akan dirungkai berkaitan refleksologi spritual Islam. Kajian ini akan menyentuh tentang latar belakang, metodologi, definisi dan dalil-dalil. Selain itu, ada juga sejarah refleksologi Islam, perbezaan, kaedah dan manfaatnya.

Kajian Literatur

Rawatan refleksologi Islam menurut kajian ianya berkait secara tidak langsung dengan akidah, ibadah dan akhlak serta mendapati bahawa refleksologi Islam dapat membantu seseorang individu meningkatkan kefahaman dan pengamalan akhlak mereka melalui proses penyucian jiwa dan badan (Khairi, 2016). Menurut Jahid, Khairi dan Rahim (2018), perubatan Islam penting bagi umat Islam apabila perubatan biasa tidak dapat merawat penyakit tertentu kerana ia disebabkan oleh masalah rohani yang tidak dapat dilihat dengan mesin teknologi atau secara mata kasar. Perubatan Islam adalah berlandaskan Al-Quran dan juga As-Sunnah. Ulama juga menggunakan ilmu yang dikecapi untuk membantu merawat orang yang sakit secara dalaman. Mereka mempercayai dengan mengikuti petunjuk Al-Quran dan hadis yang mana membantu menyembuhkan penyakit dan menyihatkan manusia dengan izin Allah.

Secara konservatifnya, Islam menerima semua jenis perubatan selagi tidak bertentangan dengan akidah dan syariat Islam. Pada sisi yang lain, menurut Khader, Farhan dan Zatin (2016), peranan perubatan Islam di Malaysia adalah terhad didorong kepada dua faktor. Antaranya ialah masyarakat Muslim hanya memilih kaedah rawatan alternatif disebabkan tidak berpuas hati dengan kaedah rawatan konvensional (bio-medical Barat) kerana didorong kewujudan pelbagai jenis penyakit yang sukar dikesan dan tidak mampu disembuhkan dengan cara moden atau secara ringkasnya perubatan Islam menjadi pilihan yang terakhir selepas pelbagai ikhtiar dilakukan. Selain itu, masyarakat hanya menyandarkan perubatan Islam apabila rawatan tersebut berkait dengan masalah spiritual.

Metodologi Kajian

Metode kajian ini merupakan kajian kualitatif yang berasaskan instrumen pengumpulan data. Data-data dikumpul melalui metode kepustakaan secara deskriptif. Pengkaji mengumpul maklumat untuk dianalisis dari beberapa jurnal, artikel, kamus dan buku-buku ilmiah yang terdapat di perpustakaan berhampiran iaitu Perpustakaan Darul Quran Jakim. Selain itu, pengkaji juga mengumpul maklumat kajian dari laman sesawang yang berautoriti sebagai maklumat tambahan.

Di samping itu, kajian ini juga menggunakan kaedah pemerhatian terhadap pesakit yang telah menerima rawatan dalam tempoh tertentu. Pesakit yang kami jadikan sebagai objek

pemerhatian telah mengalami sakit selama beberapa bulan. Rasa sakit yang dihidapinya adalah pada bahagian kepala dan bahagian belakang badan daripada bahu hingga pinggang. Dia telah menerima rawatan sebanyak dua kali dan atas izin Allah, terdapat perubahan baik secara signifikan.

Latar Belakang Kajian

Pada masa kini, kegiatan rawatan berasaskan prinsip Islam atau tradisional di Malaysia menunjukkan perkembangan yang menggalakkan. Terdapat pelbagai pusat rawatan alternatif yang menggunakan pelbagai kaedah untuk merawat seperti berasaskan doa-doa yang dikenali sebagai "rawatan Islam", perubatan homeopathy, perubatan aura, perubatan berasaskan warna (terapi warna), perubatan herba dan lain-lain. Namun, di dalam kajian ini fokusnya lebih terarah kepada refleksologi spritual Islam sebagai kaedah perubatan. (Hazlina,2020)

Kaedah perubatan Refleksologi Islam adalah berasal dari Al-Quran dan As-Sunnah yang kemudiannya diadun dan dirumuskan menjadi salah satu kaedah perubatan tradisional Islam yang sangat istimewa dan dapat membantu menyembuhkan berbagai penyakit dengan segera, berkesan dan tidak membebankan kos yang tinggi. Amalan refleksologi spritual Islam adalah berbeza dengan amalan perbomohan yang telah menjadi sebahagian kehidupan masyarakat Melayu sejak dahulu kala. Amalan refleksologi spritual Islam tidak terlibat dengan kaedah-kaedah yang dilarang syarak dan sekali gus menolak pandangan beberapa ahli akademik Islam yang berpendapat bahawa ada beberapa amalan rawatan adalah salah di sisi syarak. (Mardiana,2004)

Rawatan perubatan Islam didapati berkembang sedikit demi sedikit. Hal ini menunjukkan bahawa kesedaran dan permintaan terhadap rawatan berasaskan prinsip Islam semakin meningkat dalam kalangan masyarakat. Namun begitu, adakah semua lapisan masyarakat itu mengetahui rawatan menggunakan prinsip Islam yang sebenar dalam mempunyai kelayakan dan kredibiliti yang betul untuk melaksanakan rawatan refleksologi spiritual Islam atau ketuk.

Definisi Refleksologi Spiritual Islam

Dikutip daripada laman sesawang rasmi Pusat Rawatan Islam Manarah– Persatuan Kebajikan Bina Budi Malaysia, refleksologi Islam adalah refleksologi yang dilakukan dengan memperhatikan prinsip-prinsip Islam. Refleksologi Islam dapat membantu mengurangi stres, meningkatkan peredaran darah dan memperbaiki kesihatan secara keseluruhan. Refleksologi Islam juga dapat membantu mengurangkan rasa sakit dan meningkatkan kualiti tidur.

Dalam perubatan tradisional Islam, istilah refleksologi digunakan semata-mata untuk menjadikannya lebih mudah untuk orang ramai memahami dan menerimanya. Bukan sahaja rawatannya mudah difahami tetapi ia juga mudah menerima pelbagai perkara yang berkaitan dengannya. Keberkesanan rawatan yang diberikan untuk menyembuhkan penyakit, rasa sakit yang mesti ditanggung oleh pesakit dengan yakin, tabah dan sabar, pelbagai kaedah rawatan yang digunakan, kebenarannya, dan pelbagai faktor lain adalah contohnya.

Istilah seperti pukulan, ketukan atau sebatan pasti akan menimbulkan kesukaran bagi mereka yang kali pertama mendengarnya. Istilah-istilah ini memang menimbulkan banyak persoalan kepada pesakit yang baru mendengarnya kerana ia pernah digunakan pada masa lalu. Mereka sekurang-kurangnya percaya bahawa pukulan atau sebatan itu pasti kuat dan menyakitkan yang tidak dapat mereka tanggung. Selain itu, ada individu yang berfikir bahawa rawatan tersebut seperti sebatan rotan akan digunakan terhadap penjenayah.

Refleksologi Islam mempunyai asas yang jelas dalam Al-Quran dan As-Sunnah dan telah dipraktikkan oleh para Salaf Al-Soleh, istilah ini tidak bermaksud bahawa rawatan ini diambil daripada refleksologi biasa atau merupakan sebahagian daripadanya.

Terdapat perbezaan antara istilah refleksologi yang digunakan di sini dan sistem perubatan refleksologi, yang telah digunakan secara meluas sebagai rawatan perubatan. Tajuk refleksologi Islam ini dipilih kerana kami ingin menumpukan perhatian lebih lanjut kepada definisi sebenar istilah, yang bermaksud "ilmu tindak balas." Dengan menggunakan istilah ini, orang ramai akan lebih memahami makna refleksologi Islam yang cuba dibentangkan oleh pengkaji.

Dalil-Dalil Berkaitan Refleksologi Islam

Refleksologi Islam merupakan satu bentuk rawatan tambahan kepada rawatan perubatan moden sedia ada. Akar umbi kaedah refleksologi Islam adalah berdasarkan Al-Quran dan Sunnah, bahkan tanpa kita sedari kaedah rawatan ini telah dikonfigurasi pada zaman Rasulullah dan sahabat lagi.

Dalil-Dalil Al-Quran Berkaitan Refleksologi Islam.

Kaedah ketukan atau pukulan pula adalah disandarkan kepada hukuman sebatan yang memang terkenal dalam undang-undang Islam di mana orang yang berzina yang belum nikah, apabila telah disabitkan kesalahannya dikenakan sebatan 100 kali berdasarkan surah An-Nur ayat 2, Allah berfirman:

الرَّانِيَةُ وَالرَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذْكُمْ بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۗ
وَلْيَشْهَدْ عَذَابَهُمَا طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya: "Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat dan hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan kepada mereka itu oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman".

Hal yang serupa juga mengenai hukuman yang dikenakan kepada orang yang membuat tuduhan zina yang tidak dapat membuktikan kebenaran tuduhannya dengan empat orang saksi ialah sebatan rotan sebanyak 80 kali. Allah berfirman dalam surah An-Nur:

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاءَ فَاجْلِدُوهُمْ ثَمَانِينَ جَلْدَةً وَلَا تَقْبَلُوا لَهُمْ شَهَادَةً أَبَدًا وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ

Maksudnya: “Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan zina kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian ia tidak dapat mengadakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka dengan lapan puluh kali sebatan. Dan janganlah kamu terima kesaksian mereka buat selama-lamanya. Mereka itulah orang-orang yang fasik”.

Pada penglihatan zahir, hukuman tersebut hanyalah sebagai hukuman atau penyeksaan ke atas pelaku namun secara intinya orang yang benar-benar beriman tidak akan mudah melakukan zina tanpa hasutan syaitan dengan hukuman pukulan rotan akan menyebabkan azab bagi sang pelaku dan syaitan yang telah meresap ke dalam tubuh tersebut sejurus syaitan akan keluar dari tubuh pelaku.

Dalil Hadis Berkaitan Refleksologi Islam.

Di dalam Sunan Ibnu Majah, Kitab al-Tibb, bab Al-Fazl wal Araq wa ma yata'awwazu bihi, hadith no 3538:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ، حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْأَنْصَارِيُّ، حَدَّثَنِي عُيَيْنَةُ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ، حَدَّثَنِي أَبِي، عَنْ عُثْمَانَ بْنِ أَبِي الْعَاصِ، قَالَ لَمَّا اسْتَعْمَلَنِي رَسُولُ اللَّهِ . صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ . عَلَى الطَّائِفِ جَعَلَ يَعْزِضُ لِي شَيْءٌ فِي صَلَاتِي حَتَّى مَا أُدْرِي مَا أُصَلِّي فَلَمَّا رَأَيْتُ ذَلِكَ رَحَلْتُ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ . صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ . فَقَالَ " ابْنُ أَبِي الْعَاصِ " . قُلْتُ نَعَمْ يَا رَسُولَ اللَّهِ . قَالَ " مَا جَاءَ بِكَ " . قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ عَرَضَ لِي شَيْءٌ فِي صَلَاتِي حَتَّى مَا أُدْرِي مَا أُصَلِّي . قَالَ " ذَاكَ الشَّيْطَانُ آذَنُ " . فَدَنَوْتُ مِنْهُ فَجَلَسْتُ عَلَى صُدُورِ قَدَمَيْ . قَالَ فَضْرَبَ صَدْرِي بِيَدِهِ وَتَقَلَ فِي فَمِي وَقَالَ " اخْرُجْ عَدُوَّ اللَّهِ " . فَفَعَلَ ذَلِكَ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ ثُمَّ قَالَ " الْحَقُّ بِعَمَلِكَ " . قَالَ فَقَالَ عُثْمَانُ فَلَعَمْرِي مَا أَحْسَبُهُ حَاظِنِي بَعْدُ

Maksudnya : Diriwayatkan daripada Uthman bin Abi al-A'sh berkata apabila Rasulullah s.a.w. mengutus saya ke Ta'if, saya pernah merasa diganggu di dalam sembahyang sehingga tidak mengetahui apa yang dilakukan di dalamnya. Saya menemui Rasulullah s.a.w. lalu memberitahu baginda peristiwa tersebut. Baginda bersabda, “Gangguan itu sebenarnya daripada syaitan, hampirlah kepadaku”. Saya menghampiri Rasulullah s.a.w. dan duduk berhadapan dengan baginda. Baginda menepuk-nepuk dadaku dengan tangannya dan meludah ke dalam mulut ku, sambil berkata; “Keluarlah wahai musuh Allah!”. Baginda mengulangnya tiga kali. Kemudian baginda bersabda, “Kebenaran adalah berserta dengan amalanmu”. Uthman berkata, “Saya tidak pernah lagi diganggu setelah itu”.

Hadith ini menyimpulkan bahawa harus menggunakan cara pukulan terhadap pesakit yang dirasuk dengan tujuan memukul jin yang merasuknya. Namun, sekiranya pukulan sudah tidak diperlukan ketika itu, pesakit tidak lagi dipukul. (Syeikh al Imam al A'lamah Badruddin

Abi Abdillah Muhammad ibn Abdillah Asyibli, *Ahkamul Jan*, m/s:151, tahqiq wa dirasah; Dr. Assayyid al Jamiliy, Darul Ibn Zaidun – Beirut, cetakan pertama 1985).

Sejarah Refleksologi Spritual Islam

Pada asasnya, refleksologi adalah penggunaan tekanan pada bahagian tertentu badan menggunakan objek keras, kayu, tanduk, dll. Pesakit yang menjalani rawatan boleh mengalami ketidakelesaian yang ketara. Kadang-kadang pesakit mendapati ia tidak dapat ditoleransi sepenuhnya. Refleksologi berasal dari China, tetapi pertama kali dibangunkan dan dipopularkan oleh Swiss Dr. Hedi Masafret, terkenal dengan poliklinik "Pusat Latihan Kecergasan". Kemudian, kaedah ini terus tersebar ke seluruh dunia.

Refleksologi Islam bersumberkan Al-Quran dan Sunnah Nabi. Pendekatan Al-Salaf Al-Soleh mengukuhkan lagi kehadiran dan kepentingannya. Dari sudut sejarah, jelas kaedah ini dilakukan oleh beberapa orang sahabat. Khalifah Umar al-Khattab r.a. misalnya menggunakan kaedah ketukan. Seorang lelaki bercakap tidak sopan dan bertanyakan soalan yang tidak sepatutnya ditanya, lalu Khalifah Umar di hadapan segera meminta tongkat. Dia segera memukul kepala lelaki itu berulang kali dengan kayu sehingga berdarah. Akhirnya syaitan yang meresap ke dalam tubuh manusia tersebut keluar. Lelaki itu kemudiannya sedar dan stabil dan dia memohon maaf kepada Khalifah Umar al-Khattab r.a.

Imam Ahmad bin Hanbal juga menggunakan pukulan untuk menyingkirkan jin. Sultan Mutawakkil dikatakan telah menghantar mesej kepada Imam Ahmad, memberitahunya bahawa salah seorang gundik Sultan telah dirasuk. Imam Ahmad diminta mendoakannya. Imam Ahmad kemudian mengeluarkan sepasang terompah kayu yang biasa digunakan untuk memberikannya kepada murid-muridnya dan berkata: "Pergilah ke istana Sultan dan bercakap dengan jin yang merasukinya; Ahmad katakanlah: Yang mana apakah kamu mahu daripada dua perkara ini? Adakah kamu keluar dari tubuh wanita ini atau kamu dipukul tujuh puluh kali oleh terompah ini? Apabila mendengar kata-kata ini, jin dalam wanita itu berkata: "Kami taat, kami patuh dan kami akan pergi walaupun Ahmad mengarahkan kami meninggalkan Iraq." Dia adalah seorang yang mentaati Allah, sesiapa mentaati Allah, segala sesuatu akan mentaatinya. Jin tersebut kemudiannya keluar dari tubuhnya. Perempuan tersebut segera kembali sihat dan kemudiannya telah dikurniakan beberapa orang cahaya mata.

Selepas kematian Imam Ahmad, jin merasuk wanita yang sama sekali lagi. Sultan Mutawakkil menghantar utusan kepada Abu Bakar al-Mawarzi, seorang murid Imam Ahmad. Dia membawa terompah kayu yang sama ke istana Sultan untuk mengubati wanita itu. Jin yang dirasuk itu berkata, "Aku tidak akan pergi dari sini." Saya tidak akan menurut dan saya tidak mahu menerimamu. Ahmad adalah seorang yang taat kepada Allah, maka kita disuruh mentaatinya." Dalam kitab "Al-Tib Al-Nabawi" karangan Syeikh Ibnu Al-Qayyim Al-Jawziyyah, guru Syeikh Ibnu Taimiyyah selalunya seorang pesakit yang dirasuk syaitan atau roh dipukul dengan kayu jika syaitan atau jin tidak mahu keluar walaupun berkali-kali diarah keluar. Syaitan atau jin yang degil akan keluar apabila dipukul dengan kayu.

Ibnu Qayyim menegaskan bahawa kaedah perubatan yang digunakan oleh Ibnu Qayim mendakwa kaedah perubatan yang digunakan oleh gurunya itu boleh disaksikan sendiri dan orang lain, bukan sekali malah berkali-kali. Malah, gurunya Syeikh Ibnu Taimiyyah pernah memberitahunya bahawa ada seekor jin yang degil dan enggan keluar, walaupun ayat al-Quran telah dibaca dan diminta Keluar segera. Syeikh Ibnu Taimiyyah memukul orang sakit dengan kayu. Sebelum jin itu keluar, dia sempat mengatakan bahawa dia sangat menyayangi pesakit dan ingin pergi haji bersamanya. Akhirnya, jin itu keluar kerana tidak tahan menanggung sakit dari pukulan tongkat. (Dr Jahid Sidek, N.D)

Perbezaan Refleksologi Dan Refleksologi Islam

Refleksologi

Dikutip daripada *jarimaswellness.com*, perkataan "refleksologi" berasal daripada perkataan Inggeris "reflexion atau reflection," yang bermaksud bayangan, cerminan, atau pantulan. "Logi" pula bermaksud kajian yang berdasarkan sains. Perkara ini dipercayai bahawa kawasan refleksi yang terdapat pada kaki, tangan dan telinga kita berfungsi sebagai representasi atau peta tubuh kita. Daerah refleksi adalah titik pusat urat-urat saraf yang dikaitkan dengan organ tertentu dalam tubuh. Kawasan refleksi ini sebenarnya boleh didapati di mana-mana di dalam tubuh.

Manakala dalam buku "Garis Panduan Amalan Baik: Refleksologi (untuk kegunaan Pengamal Refleksologi di Malaysia)" dijelaskan bahawa refleksologi ialah bidang perawatan yang menggunakan "titik refleksi" dan bahagian badan yang tertentu, seperti di telinga, tangan dan kaki. Hal ini bertujuan untuk meningkatkan peredaran darah dan tenaga, meningkatkan ketenangan dan mengaktifkan homeostasis, ia menggunakan kaedah yang memerlukan pergerakan tangan dan jari yang jitu.

Refleksologi ialah nama untuk kaedah rawatan yang memerlukan urutan tertentu terhadap semua bahagian kaki. Berdasarkan Dwight C. Beers, refleksologi ialah sains yang mengkaji prinsip bahawa terdapat refleksi-refleksi di bahagian kaki yang selari dengan semua kelenjar organ-organ badan. Dengan mengurut bahagian badan tertentu, kita boleh menentukan bahagian badan yang tidak seimbang atau tidak berfungsi dengan baik dan rawatan untuk membetulkan ketidakseimbangan ini, yang akhirnya membolehkan badan berfungsi semula dengan sepenuhnya (Siti Zubaidah Abdul Hamid et al., n.d.).

Dijelaskan juga di dalam laman sesawang *sejasa.com*, refleksologi ialah teknik urutan pada titik saraf tubuh manusia, terutamanya telapak kaki. Urutan refleksi ialah teknik yang dilaksanakan secara beransur-ansur yang menggunakan tekanan pada bahagian tertentu pada tangan dan kaki, yang mempunyai kesan ke atas kesihatan bahagian tertentu tubuh. Setiap titik tekanan terhubung dengan bahagian tertentu tubuh sebagai rangsangannya. Dengan menggunakan teknik urutan refleksi, boleh mengaktifkan rangsangan ini untuk meningkatkan peredaran darah, meningkatkan energi, menghilangkan tekanan dan mengekalkan homeostasis (sistem keseimbangan tubuh).

Refleksologi Islam

Allah SWT telah berfirman di dalam Al-Quran Surah Ar-Ra'd ayat 31 yang bermaksud, “Dan kalaulah ada mana-mana Kitab Suci yang dengan sebabnya gunung-ganang terbongkar bergerak dari tempatnya, atau dengan sebabnya bumi dipecah-belah mengeluarkan isi kandungannya, atau dengan sebabnya orang-orang yang telah mati dapat menjawab kata-kata yang dihadapkan kepadanya, maka Al-Quran ialah Kitab Suci yang mengandungi mukjizat. (Tetapi lahirnya sesuatu mukjizat itu adalah menurut kehendak Allah), bahkan segala urusan tertentu bagi Allah. Maka tidakkah orang-orang yang beriman mengetahui bahawa kalaulah Allah menghendaki tentulah Ia memberi petunjuk kepada umat manusia seluruhnya, (lalu menjadikan mereka semuanya beriman). Dan orang-orang yang kafir itu (dengan sebab kekufuran mereka) sentiasa ditimpa bala bencana (ke atas diri atau harta benda mereka); atau pun bala bencana itu turun menimpa tempat-tempat yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka (lalu menjadikan mereka gempar kecemasan), sehinggalah datang janji Allah (hari kiamat dan azabnya); Sesungguhnya Allah tidak memungkiri janjinya.”

Seterusnya, dalam laman sesawang rasmi Pusat Rawatan Islam Manarah– Persatuan Kebajikan Bina Budi Malaysia menjelaskan lebih terperinci bahawa kebersihan zahir dan batin adalah asas refleksologi Islam. Pada zahirnya, ia bergantung pada syariat Islam yang sebenar dan dari segi batin pula, ia bergantung pada akidah ahli sunnah wa jama'ah. Menurut akidah ahli sunnah wa jama'ah, terdapat tiga hubungan: *sabab* (سبب), *musabbab* (مسبب) dan *musabbib* (مسبب). Ubat dan rawatan, merupakan sebab penyakit yang boleh disembuhkan adalah musabbab. Sedangkan *musabbib al-asbāb* (مسبب الأسباب) merujuk kepada kehendak, ketentuan dan kekuatan Allah untuk menyembuhkan penyakit.

Sembahyang sunat taubat dan hajat memperkasakan refleksologi Islam ini selaras dengan asas yang disebutkan di atas. Dalam sembahyang sunat taubat, orang ramai meminta keampunan daripada Allah untuk semua dosa pesakit, termasuk dosa mereka sendiri, tanpa mengira betapa besar atau banyak dosa mereka. Diharapkan bahawa sembahyang hajat akan membantu pesakit sembuh dengan cepat dan mudah.

Rawatan refleksologi Islam ini menggunakan teknik pukulan dan ketukan perlahan-lahan dengan ranting kayu dari pokok buah nona. Kemudian, tepukan perlahan-lahan pada tapak tangan anda. Seterusnya, tekan hujung ranting kayu nona yang digunakan untuk mengetuk dengan ibu jari atau dengan biji lada hitam, limau nipis atau bawang besar. Selepas itu, gunakan tangan untuk picit bahagian tertentu kulit atau anggota badan pesakit. Jangan lupa untuk melumurkan pesakit sebelum dan selepas prosedur dengan air cuka yang dicampur dengan garam halus dan air doa. Kemudian, mandikan pesakit dengan air biasa dan bilasnya dengan mandian air batu yang dicampur dengan air perahan limau nipis. Terakhir, semasa merawat iringi dengan bacaan zikrullah, doa dan ayat-ayat Al-Quran yang dibaca dalam hati atau perlahan-lahan.

Kaedah Rawatan Refleksologi Spritual Islam

Kaedah rawatan refleksologi Islam menurut Tuan Guru Dr. Hj. Jahid bin Hj. Sidek Al-Khalidi yang merupakan pengasas dan pakar Manarah Pusat RSI (Refleksologi Spiritual Islam) merangkumi beberapa langkah seperti yang tertera di bawah (Hudi, 2022):

Penyediaan peralatan dan bahan-bahan yang digunakan untuk rawatan seperti ranting pokok buah Nona yang panjangnya antara 12 hingga 16 inci, biji lada hitam yang keras dan kasar, garam halus dan garam kasar, limau nipis atau limau purut, pasir (pasir sungai atau lombong), cuka makan (mempunyai tahap asid yang tinggi), cuka getah, ais, bawang besar, sarung tangan getah dan air mineral atau air yang belum dimasak.

Solat taubat dan Hajat

Setiap pesakit dan perawat digalakkan melakukan sembahyang taubat untuk kebaikan diri masing-masing dan solat sunat hajat sebagai meminta pertolongan kepada Allah dipermudahkan semua kerja rawatan dan disegerakan kesembuhan.

Melakukan tawasul sebelum pemeriksaan dan diagnosis.

Pemeriksaan ini tidak khusus kepada si pesakit namun harus juga dilakukan terhadap keluarga atau kerabat yang terdekat.

Mengenal pasti keberadaan jin atau syaitan semasa pemeriksaan dan diagnosis di bahagian anggota badan.

Tujuan ini supaya ketukan atau pukulan yang akan mengena pada anggota yang dihuni oleh jin atau syaitan tersebut. Pemeriksaan secara menyeluruh terhadap pesakit terutamanya jika pesakit pernah mendapat perubatan lain atau terlibat amalan yang salah daripada keluarga atau diri sendiri.

Melakukan langkah-langkah rawatan yang sesuai dengan hasil diagnosis yang telah dilakukan ke atas seseorang pesakit.

Kebiasaannya langkah-langkah rawatan diselaraskan dengan keperluan seseorang pesakit. Contohnya, jika pesakit telah didapati penyakitnya berasal dari saka, maka langkah-langkah rawatan untuk membuang saka hendaklah digunakan. Demikian juga jika individu pesakit telah dikenali pasti penyakitnya yang dirasakan daripada pelbagai amalan-amalan yang terpesong, maka langkah-langkah hendaklah dibuat yang sesuai dengan pesakit tersebut. Secara konklusinya, pesakit akan dirawat mengikut apa yang telah didiagnosiskan.

Manfaat Refleksologi Spritual Islam

Berdasarkan kaedah rawatan ini, banyak manfaat yang telah di terima oleh para pesakit. Rawatan ini bukan sahaja dapat merawat daripada penyakit fizikal, malah masalah dalaman juga dapat dirawat. Berikut adalah kategori penyakit yang dapat dirawat dan telah menerima manfaat atau kesan dengan menggunakan kaedah ketukan ini: Pertama, penyakit kronik seperti

kencing manis (diabetis), darah tinggi, sakit jantung, sakit buah pinggang, migrain atau sakit kepala, sembelit atau buasir, angin ahmar, lumpuh, denggi, resdung, jerawat batu dan gout.

Kedua, penyakit kanser yang berkaitan payudara, rahim, hati dan pelbagai jenis kanser yang lain. Seterusnya, rawatan ini memberi manfaat kepada para pesakit yang ingin membuang sihir. Antaranya, saka, seri muka, susuk cantik, penggerun, ilmu kuat, busung, pelaris, ilmu kebal, pelbagai jenis silat dan santau. Selain itu, dapat membuang sikap atau perangai jahat seseorang seperti ketagih judi atau arak, hisap dadah, murung, *hyper-active*, panas baran, malas, bodoh dan tidak dapat belajar atau bekerja. Akhir sekali, manfaat daripada kaedah rawatan ketuk ini adalah dapat membantu pesakit yang tidak dapat anak walaupun sudah lama berkahwin, mati pucuk dan tidak dapat tidur malam.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, refleksologi spiritual islam adalah kaedah perubatan yang menggunakan kaedah merotan atau mengetuk secara perlahan-lahan badan pesakit menggunakan ranting pokok buah Nona. Refleksologi spiritual islam ini sangat bermanfaat untuk menjadi salah satu pilihan alternatif masyarakat terhadap rawatan pelbagai penyakit luaran dan dalaman. Kaedah perubatan refleksologi spiritual islam ini lebih selamat kerana menggunakan prinsip Islam yang sebenar dengan berasaskan Al-Quran dan Sunnah Nabi, menggunakan bahan-bahan herbal semulajadi, serta mempunyai kelayakan dan kredibiliti yang sah. Selain itu, antara kelebihan lain daripada kaedah perubatan ini adalah hasil rawatan yang diterapkan sangat berkesan dan terdapat perubahan yang signifikan juga kos perubatan yang lebih jimat. Kaedah perubatan ini juga sangat membantu para pesakit bagi meningkatkan kualiti spiritualnya semasa menjalani proses rawatan. Pengkaji turut mencadangkan perlunya lebih banyak lagi pendedahan kepada masyarakat awam dan masyarakat muslim tentang refleksologi spiritual islam supaya kaedah perubatan ini tidak lagi menimbulkan kesalahfahaman dan persepsi negatif. Terakhir, kajian ini diharapkan mampu memberi impak dalam kajian ilmu perubatan khususnya pada kaedah perubatan refleksologi spiritual islam.

Rujukan

Dilma. Oktober 2023. *Pijat Refleksi; Manfaat Bagi Tubuh, Sejarah, & Tips*. Pijat Refleksi; Manfaat Bagi Tubuh, Sejarah, & Tips - Sejasa HAPPY LIVING.

Dr Jahid Sidek, n. d. *Pusat Rawatan Islam Manarah, Persatuan Bina Budi Malaysia*.
<https://binabudi.wordpress.com/primanarah/>.

Dewan Bahasa & Pustaka, 2017. Edisi Keempat.

Hamid, S. Z. A., Susie See Ching Mey & Zulkifli bin Mohamed Rasid. n. d. "*Refleksologi: Satu Pengenalan*". Universiti Sains Malaysia, 2.

- Hazlina Zakiuddin, 2020. *Perubatan Tradisional, Moden Dan Komplementari*. Any flip. <http://anyflip.com/ghimx/xlhl/>.
- Jahid Hj. Sidek, Muhammad Khairi Mahyuddin & Abdul Rahim Zumrah, 2018. "*Fenomena Kepercayaan dan Amalan Masyarakat Dalam Perubatan Islam Di Malaysia*", *Jurnal Ushuluddin Adab dan Dakwah*, Jilid 1, 155-157.
- N. a. Disember 2019. *Refleksologi*. Reflexology - Academy Kecantikan dan Kesihatan - The Best in Malaysia (jarimaswellness.com).
- Khader Ahmad, Mohd Farhan Md Ariffin & Ahmad Zatim Sabirin Mohd Yusoff, 2016. "*Polemik Masyarakat Muslim di Malaysia dalam Memahami Peranan Islamic Medicine Pascamodenisme*", 121-130.
- Mardiana Abdul Ghani (2004), *Penggunaan Ayat al-Quran Dalam Bidang Perubatan: Kajian Di Darussyifa' Bangi*. (Dsertasi Sarjana Jabatan al-Quran dan al-Hadiht, Akademi Pengajian Islam), Universiti Malaya.
- Mohd Khairi Shafie & Mohd Khairi Othman, Oktober 2016. "*Kefahaman dan Pengamalan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah*", *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*. Jilid 1.
- Muhamad Azam Rosli, n.d. *Isu-Isu Kontemporari Dalam Islam*, Scribd. <https://www.scribd.com/document/503040038/Latar-Belakang-Kajian>.
- N.a. 2013. *Garis Panduan Amalan Baik: Refleksologi (Untuk Kegunaan Pengamal Refleksologi di Malaysia)*. Bahagian Perubatan Tradisional & Komplementari Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Pusat Rawatan Islam Manarah – Persatuan Kebajikan Bina Budi Malaysia (Budi) (wordpress.com). diakses pada 1 Disember 2023.
- Syeikh Ibnu Al-Qayyim Al-Jawziyyah, 1986. *Al-Tib Al-Nawawi, Mu'assasah Al-Risalah, Tahqiq Shu'aib dan Abd Al-Qadir Al-Arna'ut*, Beirut.
- Syeikh Al Imam Al A'lamah Badruddin Abi Abdillah Muhammad ibn Abdillah Asyibli, *Ahkamul Jan*, tahqiq wa dirasah; Dr. Assayyid al Jamiliy, Darul Ibn Zaidun – Beirut, cetakan pertama 1985, mukasurat 15.